Muhammad Nabil bin Harmylis (seorang kanak-kanak dibawah umur yang mengambil tindakan ini melalui wakil litigasinya Samsudin bin Mohd Saad) lwn Tenaga Nasional Bhd

MAHKAMAH TINGGI (KANGAR) — RAYUAN SIVIL NO 12(B)NCVC-08–11 TAHUN 2016
ABU BAKAR KATAR PK
4 OKTOBER 2017

Prosedur Sivil — Pliding — Pihak-pihak dalam tindakan terikat dengan pliding — Sama ada pihak-pihak terikat pada pliding — Sama ada pihak-pihak terikat pada ikatan dokumen

Tort — Kecuaian — Pembekal elektrik — Sama ada defendan melakukan kecuaian menyebabkan kecederaan plaintif

Plaintif merupakan seorang kanak-kanak yang berusia 14 tahun telah keluar bermain layang-layang pada 24 Mac 2014 jam lebih kurang 5 petang di Padang Jelempok, Arau. Semasa bermain, layang-layang plaintif telah terlepas dan terlekat di kabel elektrik milik defendan. Pada jam 6.30 petang pada hari yang sama, plaintif bersama sepupunya telah cuba mengambil layang-layang yang terselit di kabel menggunakan sebatang aluminium. Plaintif menggunakan batang aluminium untuk menarik layang-layang supaya ia jatuh. Plaintif telah beberapa kali menarik layang-layang tersebut, malangnya plaintif terkena kejutan atau renjatan elektrik serta merta dan plaintif rebah terbaring. Plaintif yang diwakili sahabat wakilnya iaitu ayah plaintif telah memfailkan writ dan penyata tuntutan terhadap defendan bagi menuntut ganti rugi khas, ganti rugi am, kadar faedah dan kos di Mahkamah Sesyen, Kangar, Perlis. Perbicaraan penuh telah dijalankan di hadapan hakim mahkamah sesyen ('HMS'). Di akhir perbicaraan, HMS itu telah menolak tuntutan plaintif dengan kos sebanyak RM11,657. Plaintif yang terkilan dengan keputusan HMS itu telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Tinggi, Malaya, Kangar, Perlis.

Diputuskan, membenarkan rayuan dengan kos RM3,000 dan 4% alokatur; dan mengesahkan ganti rugi am dan ganti rugi khas yang diawardkan HMS:

(1) Berdasarkan penyata pembelaan yang difailkan oleh defendan, tiada sepatah perkataan pun defendan menyatakan telah mengambil langkah-langkah keselamatan dan penyelenggaraan talian elektrik bervoltan tinggi. HMS dalam penghakimannya telah membuat penemuan fakta yang bercanggah dengan keterangan yang dikemukakan

sepanjang perbicaraan dan penyata pembelaan defendan. Adalah menjadi rukun undang-undang yang mantap, pihak-pihak dalam kes sivil terikat dengan plidingnya. Begitu juga HMS dalam penghakimannya tidak boleh mengambil kira fakta atau keterangan diluar daripada apa yang diplidkan dalam mahkamah (lihat perenggan 16, 18 & 21).

(2) Peguam defendan yang terpelajar tidak boleh merujuk dokumen yang tidak dimasukkan dalam ikatan dokumen sebelum perbicaraan dijalankan. Pihak-pihak terikat dengan apa-apa arahan yang diberikan semasa pengurusan kes di hadapan HMS (lihat perenggan 29).

(3) Mahkamah mendapati HMS hanya menumpukan kepada kecuaian plaintif yang mengambil layang-layang dengan menjoloknya menggunakan logam aluminium tetapi HMS tidak menghiraukan keputusan kes *Lembaga Letrik Negara, Malaysia v Ramakrishnan* [1982] 2 MLJ 128, di mana tiang elektrik itu berada di kawasan sawah padi yang terbuka tanpa apa-apa tanda amaran bahaya diletakkan oleh defendan. Defendan seharusnya menjangkakan kanak-kanak akan bermain layang-layang berhampiran sawah padi, kemungkinan layang-layangakan tersangkut di tiang elektrik dan perbuatan kanak-kanak yang akan menjolok layang-layang menggunakan batang logam yang membahayakan. Mahkamah mendapati defendan bertanggungan apabila plaintif terkena renjatan elektrik semasa menjolok layang-layangnya yang tersangkut di tiang elektrik. Mahkamah juga mendapati award yang diberikan oleh HMS tidak berlebihan dan mahkamah mengesahkan award yang diberikan oleh HMS (lihat perenggan 33, 39–40, 45, 48, 52 & 55–57).

[Bahasa Malaysia summary

The plaintiff was a 14 year old child who went kite flying on 24 March 2014 at around 5pm in Padang Jelempok, Arau. While playing, the plaintiff lost control of the kite and was caught in an electric cable owned by the defendant. At around 6.30pm on the same day, plaintiff and his cousin tried retrieve the kite by using an aluminum rod. The plaintiff used the aluminium rod to pull the kite. The plaintiff had tried many times to pull the kite, the plaintiff suffered from an electric shock and collapsed. The plaintiff, through his father as his personal representative, filed a writ and statement of claim against the defendant to claim for special damages, general damages, interest and cost at the Kangar Sessions Court, Perlis. The full trial was conducted by the judge of sessions court ('the trial judge'). At the end of the trial, the learned judge dismissed the plaintiff's claim with costs of RM11,657. Dissatisfied with the decision of the trial judge, the plaintiff, filed an appeal notice to High Court Malaya, Kangar, Perlis.

Held, allowing appeal with costs of RM3,000 and 4% allocator and

reaffirming general damages and special damages awarded by trial judge:

(1) Based on the defence statement filed by the defendant, there was not a single word to suggest that the defendant had taken precautionary steps towards the safety and maintenance of high volt electric cables. The trial judge in his judgment found discrepancies between the statements given during trial and defendant's defence statements. It was a trite law the parties were bound by their pleadings. The trial judge in his judgment could not consider any statements outside the pleadings (see paras 16, 18 & 21).

(2) Learned counsel of defendant could not refer to any documents which were outside the bundle of dcuments before the trial began. Both parties were bound to by instructions during the case management before the trial judge (see para 29).

(3) The court found that the trial judge had only focused on the negligence of the plaintiff when taking the kite using the aluminium rod but the learned judge did not consider the decision of case *Lembaga Letrik Negara, Malaysia v Ramakrishnan* [1982] 2 MLJ 128, where the electric post was situated around the open rice field area without any signs warning of danger placed by the defendant. The defendant should have anticipated the possibility of children flying kites in the area, the probablity of the kite getting caught in an electric cable and that a child may use an aluminium rod. The court found that the defendant was liable when the plaintiff suffered electric shock when trying to retrieve the kite from the electric cable. The court also found that the award given by the trial judge was not excessive and court reaffirmed the award given by the trial judge (see paras 33, 39–40, 45, 48, 52 & 55–57).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai pembekal elektrik, lihat 2(4) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 1585–1587.

Untuk kes-kes mengenai pihak-pihak dalam tindakan terikat dengan pliding, lihat 2(4) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 7633–7646.

Kes-kes yang dirujuk

Afizan b Mohamad v LN Kenderaan Sdn Bhd [2009] 1 PIR 11 (dirujuk)

Abdul Ghani bin Hamid v Abdul Nasir bin Abdul Jabbar & Anor [1995] 4 MLJ 182; [1995] 4 CLJ 317, MT (dirujuk)

Aiker a/l Iwian v Mohd Asyraf b Zulkifli (seorang budak yang diwakili oleh sahabat wakil Zulkifli b Abdul Rahman) [2013] 2 PIR 43 (dirujuk)

Bohari bin Jaya & Ors v Naim Land Sdn Bhd & Ors [2016] 4 MLJ 631; [2016] 4 CLJ 353, MR (dirujuk)

Kim Fu Kheang & Anor v Azmah bte Sulaiman & Anor [2013] 1 PIR (37) (dirujuk)

Kim Sun Kyung & 2 Ors v Mahyudin bin Dobik [2007] 1 PIR 72 (dirujuk)
Krishnan a/l Perumal & Anor; Ismail bin Haji Abdul Rani & Rakan (t/a Ismail bin Ent) v Yang Cheng Choy & Anor [2010] MLJU 493, MR (dirujuk)
Lee Ah Chor v Southern Bank Bhd [1991] 1 MLJ 428; [1991] 1 CLJ 667, MA (dirujuk)
Lembaga Letrik Negara, Malaysia v Ramakrishnan [1982] 2 MLJ 128, MP (diikut)
Multar v Lim Kim Chet & Anor [1982] 1 MLJ 184, MP (dirujuk)
Ong Chun Long v Gunasegaran a/l Govinda & Anor [2013] 2 PIR 30 (dirujuk)
Pengarah Institut Penyelidikan Perubatan & Anor v Inthra Devi & Anor [1988] 1 MLJ 19, MA (dipertimbangkan)
Phuah Jee Suan v Nila Vasu Pillai [1973] 1 MLJ 186; [1973] 1 LNS 110, MR (dirujuk)
Sivalingam Periasamy v Periasamy & Anor [1995] 3 MLJ 395, MR (dirujuk)

Pang Teck Yaw (Jayadeep Hari & Jamil) bagi pihak plaintif.
Suhaila (Rajadevan & Assoc) bagi pihak defendan.

Abu Bakar Katar PK:

MUKADIMAH

[1] Ini merupakan rayuan oleh Tenaga Nasional Bhd ('defendan') ke Mahkamah Rayuan Malaysia atas keputusan mahkamah ini yang membenarkan rayuan plaintif. Defendan bertanggungan atas kecederaan yang dialami oleh plaintif semasa bermain layang-layang.

[2] Mahkamah ini mengesahkan kuantum yang diputuskan oleh hakim Mahkamah Sesyen, Kangar, Perlis ('Tuan HMS itu').

[3] Bagi kemudahan rujukan dalam penghakiman ini, pihak-pihak akan dirujuk sebagaimana perbicaraan di mahkamah rendah.

LATAR BELAKANG KES

[4] Plaintif merupakan seorang kanak-kanak yang berusia 14 tahun telah keluar bermain layang-layang pada 24 Mac 2014 jam lebih kurang 5 petang di Padang Jelempok, Arau. Semasa bermain, layang-layang plaintif telah terlepas dan terlekat di kabel elektrik milik defendan.

[5] Kawasan tempat plaintif bermain layang-layang sebagaimana yang tertera dalam gambar P1 A–D (rekod rayuan ('RR') — ms 30–31) iaitu kawasan terbuka sawah padi.

[6] Pada jam 6.30 petang pada hari yang sama, plaintif bersama sepupunya telah cuba mengambil layang-layang yang terselit di kabel menggunakan sebatang aluminium. Plaintif menggunakan batang aluminium untuk menarik layang-layang supaya ia jatuh.

[7] Plaintif telah beberapa kali menarik layang-layang tersebut, malangnya plaintif terkena kejutan atau renjatan elektrik serta merta dan plaintif rebah terbaring.

[8] Plaintif yang diwakili sahabat wakilnya iaitu ayah plaintif telah memfailkan writ dan penyata tuntutan terhadap defendan bagi menuntut ganti rugi khas, ganti rugi am, kadar faedah dan kos di Mahkamah Sesyen, Kangar, Perlis (RR — ms 8–15).

[9] Defendan sebagaimana lazimnya telah mempertikaikan tuntutan plaintif dan melalui peguamnya iaitu Tetuan Jayadeep, Hari & Jamil telah memfailkan penyata pembelaannya (RR — ms 16–20).

[10] Perbicaraan penuh telah dijalankan di hadapan Tuan HMS itu. Di akhir perbicaraan, Tuan HMS itu telah menolak tuntutan plaintif dengan kos sebanyak RM11,657 (rekod rayuan tambahan ('RRT') — ms 3–4).

[11] Plaintif yang terkilan dengan keputusan Tuan HMS itu telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Tinggi, Malaya, Kangar, Perlis atas liability (RR — ms 6–7).

MERIT RAYUAN PERAYU/PLAINTIF

[12] Sebelum mahkamah ini menyentuh isu rayuan yang dinyatakan dalam memorandum rayuan (ms 110–113 RR), eloklah dirujuk nas-nas duluan yang menerangkan tugas mahkamah ini yang berada di 'appellate stage' dalam menimbangkan rayuan terhadap keputusan Tuan HMS itu.

[13] Mahkamah ini merujuk kes *Krishnan a/l Perumal & Anor; Ismail bin Haji Abdul Rani & Rakan (t/a Ismail bin Ent) v Yang Cheng Choy & Anor* [2010] MLJU 493 yang menyatakan:

> On the question of interfering with the finding of facts by the lower court, which had the opportunity to hear the evidence of witnesses, the correct position in law is *that the appellate court should be slow to interfere*. In other words, there are circumstances where the appellate court can interfere with a particular finding of facts. The degree of slowness to interfere further depends upon whether the conclusion that needs to be interfered was a conclusion that largely depends upon the credibility of the witnesses or whether such conclusion depends upon inferences drawn from other facts. In the latter situation, an appellate court would surely be

more readily to interfere with the trial judge's findings (see *Benmax v Austin Motor Co Ltd* [1955]1 All ER 326, which was followed by the Federal Court in the case of *China Airlines Ltd v Maltran Air Corp Sdn Bhd (formerly known as Maltran Air Services Corp Sdn Bhd) and another appeal* [1996]2 MLJ 517).

[14] Selanjutnya, mahkamah ini merujuk kes *Sivalingam Periasamy v Periasamy & Anor* [1995] 3 MLJ 395 yang telah mengungkapkan pengamatannya seperti berikut:

... It is trite law that this court will not readily interfere with the findings of fact arrived at by the court of first instance to which the law entrusts the primary task of evaluation of the evidence. But we are under a duty to intervene in a case, as here, the trial court has so fundamentally misdirected itself, that one may safely say that no reasonable court which had properly directed itself and asked the correct questions would have arrived at the same conclusion.

[15] Berbekalkan prinsip-prinsip yang diputuskan di atas, mahkamah ini akan menyentuh penghujahan yang dikemukakan oleh peguam plaintif yang terpelajar menonjolkan kesilapan fakta/undang-undang oleh Tuan HMS itu di dalam penghakimannya.

[16] Mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu dalam penghakimannya membuat penemuan fakta yang bercangah dengan keterangan yang dikemukakan sepanjang perbicaraan dan penyata pembelaan yang difailkan oleh defendan.

[17] Tuan HMS itu dalam penghakimanya (RRT — ms 7) semasa membuat 'ANALISA FAKTA' di perenggan 2 menyatakan:

(2) Defendan pula menyatakan mereka telah memenuhi kewajipan sebagai pembekal tenaga dan telah melakukan sedaya upaya untuk memastikan wujudnya langkah-langkah keselamatan dan penyelenggaraan talian elektrik bervoltan tinggi itu.

[18] Mahkamah ini telah meneliti penyata pembelaan yang difailkan oleh defendan (RR — ms 16–20), tiada sepatah perkataan pun defendan menyatakan telah mengambil langkah-langkah keselamatan dan penyelengaraan talian elektrik bervoltan tinggi.

[19] Semasa perbicaraan, defendan melalui saksinya Muhammad Izwan bin Hussien (SD1), Jurutera Kendalian Senggaraan 11KV dan 33KV Tenaga Nasional Bhd ('TNB'), Perlis dalam 'Penyata Saksi' (E1) di soalan dan jawapan 5 ada membangkitkan langkah-langkah yang telah diambil oleh defendan. Bagi kemudahan rujukan dipetik keterangan SD1 (RRT — ms 75) seperti berikut:

S5: Sila lihat Ikatan Dokumen Defendan, bolehkah tuan terangkan proses penyelengaraan dan keselamatan yang dipraktikkan oleh pihak TNB untuk memastikan tiang-tiang elektrik ini selamat dari orang awam?

J5: Pihak TNB akan membuat rondaan mengikut jadual penyelengaran untuk memastikan tiang dan kabel elektrik voltan tinggi seperti ini berada dalam keadaan baik. Kabel ini bervoltan tinggi, jadi kami juga meletakkan tanda 'AWAS' pada setiap selang lima tiang elektrik bervoltan tinggi untuk mengingati orang awam. Kami juga akan mengadakan seminar kepada orang awam terutamanya pihak peladang dan pesawah dan juga murid sekolah mengenai bahaya kabel bervoltan tinggi ini.

[20] Mahkamah ini berpendapat keterangan ini tidak boleh diambil kira oleh Tuan HMS dalam penghakimannya memandangkan tindakan meletakkan tanda 'AWAS' pada setiap selang lima tiang elektrik dan mengadakan seminar kepada orang awam termasuk murid sekolah, tidak pernah diplidkan dalam penyata pembelaan yang difailkan oleh defendan.

[21] Mahkamah ini berpendapat ia menjadi rukun undang-undang yang mantap, pihak-pihak dalam kes sivil terikat dengan plidingnya. Begitu juga Tuan HMS itu dalam penghakimannya tidak boleh mengambil kira fakta atau keterangan diluar daripada apa yang diplidkan dalam mahkamah. Mahkamah ini berpendapat memadai untuk merujuk nas duluan yang mengarap kepentingan pliding.

[22] Mahkamah ini merujuk kes *Lee Ah Chor v Southern Bank Bhd* [1991] 1 MLJ 428; [1991] 1 CLJ 667 dimana YA Mohd Jemuri Serjan HMA ada menukilkan pandanganya seperti berikut:

A judgment should be based upon the issues which arise in the suit and if such a judgment does not dispose of the questions as presented by the parties it renders itself liable not only to grave criticism but also to a miscarriage of justice. It becomes worse and is unsustainable if it goes outside the issues. Such a judgment cannot be said to be in accordance with the law and the rules of procedure. It is the duty of the courts to follow the rules of procedure and practice to ensure that justice is done. These rules are meant to be observed and respected. The faith and the confidence of the public in the law, the constitution and the government depends to a fairly large extent on the way the machinery of justice functions and it is the duty of the those who man that machinery to realise that what they do does not in any way tend to diminish that faith. Everyone is, no doubt, liable to make mistakes but it would have been better if the learned magistrate had acted in less haste and had taken a little time to look up the law on the matter.

[23] Tuan HMS itu dalam penghakimannya (RRT — ms 7) ada menyatakan seperti berikut:

Alasan bahawa beliau tidak mempunyai pengetahuan tentang galah logam aluminium yang boleh mengalirkan arus elektrik itu tidak akan memindahkan kecuaian kepada defendan. Jika arah pemikiran ini diambil, maka tidak ada keadilan.

[24] Mahkamah ini berpendapat pada tarikh kejadian, plaintif berusia 14 tahun iaitu berada di tingkatan 2. Peguam defendan yang terpelajar telah menghujahkan kecuaian plaintif sendiri yang menggunakan logam aluminium untuk mengambil layang-layangnya yang tersangkut di kabel elektrik.

[25] Mahkamah ini merujuk keterangan plaintif (RRT — ms 17–23), plaintif menyatakan beliau tidak tahu galah logam aluminium boleh mengalirkan arus elektrik.

[26] Peguam defendan yang terpelajar semasa menyoal balas plaintif ('PW1'), seolah-olah mengakui plaintif tidak mengetahui bahaya di tiang elektrik. Mahkamah ini merujuk ms 23 nota keterangan yang menyatakan:

Saya katakan bahawa adik tidak tahu bahaya elektrik pada tiang itu dan juga tidak berfikir akibat untuk menjolok tiang elektrik itu.

PW1

Betul.

Plaintif juga mengakui tidak mengetahui bahan-bahan yang mengalirkan elektrik dan bahan-bahan yang tidak mengalirkan elektrik. Mahkamah ini merujuk nota keterangan [RRT — muka surat (18)] yang menyatakan:

DC

Jadi adik tahu bahawa ada bahan-bahan yang mengalirkan elektrik dan bahan-bahan yang tidak mengalirkan elektrik,betul?

PW1

Tidak tahu.

[27] Mahkamah ini juga bersetuju sepanjang perbicaraan, defendan tidak memanggil cikgu sekolah dimana plaintif belajar untuk menunjukkan pelajar tingkatan dua seperti plaintif mengetahui bahaya aliran elektrik jika menggunakan galah aluminium. Semasa perbicaraan peguam defendan yang terpelajar semasa melakukan pemeriksaan balas terhadap plaintif (PW1) cuba merujuk 'Sukatan Pelajaran Tahun 5 Sains' untuk menunjukkan plaintif mengetahui bahaya mengunakan batang logam aluminium yang digunakan untuk menjolok layang-layangnya. Peguam plaintif yang terpelajar telah membantah tindakan peguam defendan yang terpelajar kerana 'Sukatan Pelajaran Tahun 5 Sains' tidak dimasukkan dalam ikatan dokumen.

[28] Mahkamah ini merujuk nota keterangan (RRT — ms 18–19) bagi

mengambarkan apa yang berlaku di hadapan Tuan HMS itu:

DC

Tuan, I have a literature here on Sukatan Pelajaran Tahun 5 Sains. This is the basic school science. It is just literature.

Judge

So what do you want to do about it?

DC

We just want to show that..

PC

Its is not in the bundle of documents.

Judge

You just put it in your submission lah.

DC

It is not in the bundle but it is a literature that we can know if all want to see.

Judge

This is not a classroom. This is a court of law. There are rules to follow. You cannot just produce something out of the ...

[29] Mahkamah ini berpendapat peguam defendan yang terpelajar tidak boleh merujuk dokumen yang tidak dimasukkan dalam ikatan dokumen sebelum perbicaraan dijalankan. Pihak-pihak terikat dengan apa-apa arahan yang diberikan semasa pengurusan kes di hadapan Tuan HMS itu. Sebagai contoh, mahkamah ini merujuk kes *Bohari bin Jaya & Ors v Naim Land Sdn Bhd & Ors* [2016] 4 MLJ 631; [2016] 4 CLJ 353 dimana semasa perbicaraan melibatkan tuntutan 'Native customary rights', plaintif tidak memasukkan pelan/peta bertanda 'X' dalam ikatan dokumen. Kegagalan ini menghalang plaintif untuk merujuk dokumen berkenaan bagi menyokong tuntutannya. Mahkamah Rayuan dalam penghakimannya menyatakan:

> [11] The State Legal Officer for the second and third defendants submitted that the burden was always on the plaintiffs to prove their NCR over the claimed area as pleaded. To this end it was therefore incumbent upon the plaintiffs to firstly adduce cogent and credible evidence to identify the exact location of the claimed NCR area and its boundary in precise terms. This, it was argued, the plaintiffs had failed to do. A map 'X' was attached to their statement of claim but this was never included in the bundles of documents (agreed as to authenticity) and more significantly it was not tendered in evidence through its maker to constitute it as an admitted document at the trial. PW9 did make a reference to it in her evidence but this did not mean that the document could be accepted as a proved document.

[30] Mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu dalam penghakimannya gagal menghayati keputusan kes *Lembaga Letrik Negara, Malaysia v*

Ramakrishnan [1982] 2 MLJ 128 dalam merungkai isu yang sama melibatkan kecuaian syarikat pembekal tenaga (dahulunya LLN, sekarang Tenaga Nasional Bhd). Dalam kes *Lembaga Letrik Negara, Malaysia*, seorang kanak-kanak berusia sepuluh tahun cuba melepaskan seekor burung yang tersangkut pada wayar di atas tiang. Mahkamah Persekutuan dalam penghakimannya menyatakan:

> (3) in this case the appellants owed a duty to the respondent as they had erected, maintained and controlled a highly dangerous *H-pole* of hidden lethal potentialities immediately adjacent to a foot-path connecting the kampong to the *Bayan Lepas* main road which was used by the *kampong folk* including children. The pole was within *easy reach* of children and it was ideally suited for children wishing to climb it. The appellants must be assumed to know that children could be mischievous and could do things without realizing the consequences and therefore there was a substantial chance that they might come there. There was a duty because of the existence, near to the public, of a dangerous situation;

[31] Mahkamah ini berpendapat prinsip undang-undang yang diputuskan dalam kes *Lembaga Letrik Negara, Malaysia* terpakai dalam kes di hadapan mahkamah sekarang. Mahkamah ini telah menimbangkan kegagalan Tuan HMS itu merujuk kes ini dalam penghakimannya. Plaintif berusia 14 tahun yang tinggal dikawasan kampung dimana terdapat sawah padi yang menghijau. Keadaan ini dapat dilihat daripada gambar-gambar (P1 A–D) (RR — ms 30–31). Kawasan ini terdedah kepada kanak-kanak termasuk plaintif untuk bermain layang-layang dikawasan sawah dimana terdapat tiang elektrik milik defendan.

[32] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam plaintif yang terpelajar, berpandukan gambar-gambar khasnya P1A dan P1B ada menunjukkan tiang elektrik yang terlibat. Gambar-gambar tersebut juga menunjukkan dimana layang-layang plaintif tersangkut dan kemudiannya dijolok menggunakan batang logam aluminium. Mahkamah ini mendapati tiada apa-apa tanda amaran diletakkan oleh defendan bagi menyedarkan orang awam termasuk plaintif. Begitu juga, berhampiran tiang elektrik berkenaan juga tiada apa-apa tanda amaran diletakkan oleh defendan.

[33] Defendan seharusnya menjangkakan kanak-kanak akan bermain layang-layang berhampiran sawah padi. Juga, kemungkinan layang-layang akan tersangkut pada tiang elektrik dan perbuatan kanak-kanak yang akan menjolok layang-layang menggunakan batang logam yang membahayakan.

[34] Mahkamah ini berpendapat Tuan HMS itu dalam penghakimannya langsung tidak menyentuh kes *Lembaga Letrik Negara, Malaysia* walaupun peguam plaintif yang terpelajar dalam penghujahannya merujuk kes tersebut.

[35] Mahkamah ini berpendapat walaupun defendan telah memanggil SD1, keterangan saksi ini tidak boleh melepaskan tanggungan defendan sebagaimana yang telah diputuskan dalam kes *Lembaga Letrik Negara, Malaysia*. SD1 walaupun ada memberitahu langkah-langkah yang telah diambil oleh defendan, defendan gagal memplidkannya dalam penyata pembelaan.

[36] Mahkamah ini juga berpendapat walaupun defendan ada mengemukakan laporan Suruhanjaya Tenaga, Negeri Pulau Pinang, Kedah dan Perlis bertarikh 12 November 2015, defendan tidak boleh bergantung kepada laporan ini. Mahkamah ini merujuk penemuan yang dibuat oleh Ahmed Azad bin Ismail, Eksekutif Suruhanjaya Tenaga yang menyatakan:

> *PUNCA KEJADIAN*
>
> 6. Kemalangan berpunca dari kecuaian dan kurangnya pengetahuan mangsa tentang bahayanya menggunakan bahan logam terlalu hampir dengan talian voltan tinggi 33 kV.

[37] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam plaintif yang terpelajar iaitu laporan Suruhanjaya Tenaga ini tidak melepaskan tanggungan defendan berpandukan kepada kes *Lembaga Letrik Negara, Malaysia*.

[38] Mahkamah ini merujuk penghakiman Tuan HMS itu (RRT — ms 8) menyimpulkan pandangannya seperti berikut:

> Melihat kepada keseluruhan fakta ini. Mahkamah tidak begitu berat untuk memutuskan bahawa kecuaian yang terjadi adalah dari pihak Plaintif sendiri. Atas dasar ini, tuntutan Plaintif ditolak dengan kos.

[39] Tuan HMS itu hanya menumpukan kepada kecuaian plaintif sendiri yang mengambil layang-layang dengan menjoloknya menggunakan logam aluminium. Tuan HMS itu tidak menghiraukan keputusan *Lembaga Letrik Negara, Malaysia*, dimana tiang elektrik itu berada dikawasan sawah padi yang terbuka tanpa apa-apa tanda amaran bahaya diletakkan oleh defendan.

[40] Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di (a)–(d) di atas, mahkamah ini berpendapat defendan bertanggungan apabila plaintif terkena renjatan elektrik semasa menjolok layang-layangnya yang tersangkut di tiang elektrik. Mahkamah ini membenarkan rayuan oleh plaintif atas isu tanggungan. Keputusan Tuan HMS itu yang memutuskan defendan tidak bertanggungan diakaskan.

[41] Mahkamah selanjutnya akan menyentuh isu kuantum yang diberikan oleh Tuan HMS itu. Mahkamah ini memuji pendekatan yang digunakan oleh Tuan HMS itu apabila memutuskan kuantum walaupun tuntutan plaintif

ditolak. Mahkamah ini merujuk kes *Multar v Lim Kim Chet & Anor* [1982] 1 MLJ 184 dimana YA Syed Othman HMP memberikan pandangannya seperti berikut:

> In this case the trial court did not assess damages provisionally. Practice requires that assessment should be made even if the decision was against the plaintiff claimant. We need only draw attention to what Tucker LJ said in *Harrison v National Coal Board* [1950] 1 KB 466 at p 477:
>
> > I desire to add that in cases such as this, which involve difficult questions of law and are likely to be taken to appeal, it is always desirable that the trial judge, whether or not he is specifically requested by counsel so to do, should assess the damages provisionally if his decision is adverse to the plaintiff. Failure to do so frequently results in unnecessary further expenses to the parties.

50% DEEP PARTIAL AND FULL THICKNESS BODY BURNS BOTH LOWER LIMBS, UPPER LIMBS AND TRUNK WHICH REQUIRED SPLIT SKIN GRAFTING

[42] Tuan HMS itu telah mengawardkan RM100,000 bagi kecederaan yang dialami oleh plaintif. Sebaliknya peguam defendan yang terpelajar menghujahkan RM50,000. Beliau merujuk kes *Pengarah Institut Penyelidikan Perubatan & Anor v Inthra Devi & Anor* [1988] 1 MLJ 19 dimana telah mengawardkan kelecuran 65% di muka, badan, peha dan tangan award RM80,000 telah diberikan. Beliau mencadangkan bagi ganti rugi kecederaan ini sebanyak RM50,000.

[43] Mahkamah ini telah menimbangkan laporan perubatan Hospital Sultanah Bahiyah (RR — ms 35–39) dan laporan pakar (RR — ms 41–45). Mahkamah ini berpendapat kesan kebakaran akibat renjatan elektrik lebih teruk berbanding dengan kecacatan yang dialami oleh *Inthra Devi & Anor*. Mahkamah ini telah menimbangkan kecacatan yang dialami oleh plaintif sebagaimana yang dinyatakan dalam laporan pakar oleh Dr Low Keng Hong yang menyatakan:

> [5] The following functional residual disabilities are noted.
>
> 1. Walks with a limp
> 2. Inability to exert on his lower limbs as in
>
> – running
>
> – jumping
>
> – hopping
>
> – climbing
>
> 3. Inability to squat normally.

[44] Mahkamah ini menjadikan kes *Inthra Devi & Anor* sebagai panduan iaitu dalam tahun 1988 ganti rugi RM80,000 telah diberikan. Mahkamah ini mengambil kira nilai wang sekarang dalam menentukan award. Mahkamah ini merujuk kes *Phuah Jee Suan v Nila Vasu Pillai* [1973] 1 MLJ 186 di ms 188; [1973] 1 LNS 110 (MR) dimana YA Choor Singh H ada menyatakan seperti berikut:

> The other matter which requires consideration is the question of changes in the value of money which has been often termed as the decrease in the purchasing power of the dollar or the increase in the cost of living over the years. Leaving authority aside, both principle and common sense require that the court, when they assess an award of money, which is to compensate a plaintiff for the damage caused to him by his injuries, should take into account large and comparatively permanent changes in the real value, ie, in the purchasing power of money.
>
> If one tries to assess an award of personal injuries today, and looks for guidance to an award made twenty years ago in a comparable case, the decline in the real value of money must be taken into account ... It is therefore imperative that where an old comparable case is considered, there should be an adjustment for the change in the value of money which should be reflected in the award.

[45] Mahkamah ini berpendapat award yang diberikan oleh Tuan HMS itu sebanyak RM100,000 tidak berlebihan dan dikekalkan. Sebagai perbandingan dalam kes *Abdul Ghani bin Hamid v Abdul Nasir bin Abdul Jabbar & Anor* [1995] 4 MLJ 182; [1995] 4 CLJ 317 bagi kecederaan 'severe third degree burn', ganti rugi am sebanyak RM120,000 telah diawardkan.

SEVERE SCARRING

[46] Tuan HMS itu telah memberi award berjumlah RM30,000 untuk 'severe scarring'. Peguam defendan yang terpelajar telah merujuk kes *Ong Chun Long v Gunasegaran a/l Govinda & Anor* [2013] 2 PIR 30 dan mencadangkan award RM20,000.

[47] Mahkamah ini telah menimbangkan laporan pakar oleh Dr Low Keng Hong yang menyatakan:

> [2] BURNS SCARS TRUNK, BOTH UPPER AND LOWER LIMBS
>
> There is about 50% burns injury of the body with severe scarring of the
>
> [I] whole trunk — front and back
>
> [II] both upper limbs
>
> [III] both lower limbs
>
> Due to the deep partial and full thickness burn wounds which have been skin grafted using skin graft from both thighs.
>
> The above are permanent features.
>
> These scars are very disfiguring.

[48] Mahkamah ini berpendapat kesan parut yang dialami oleh plaintif lebih teruk daripada plaintif dalam kes *Ong Chun Long* yang dirujuk oleh peguam defendan yang terpelajar. Mahkamah ini berpendapat award RM30,000 yang diawardkan oleh Tuan HMS itu munasabah dan tidak berlebihan.

SUPERIOR MESENTERIC ARTERY SYNDROME

[49] Tuan HMS itu telah mengawardkan RM30,000 bagi kecederaan 'superior mesenteric artery syndrome'. Sebaliknya peguam defendan yang terpelajar telah menghujahkan award RM20,000. Beliau bersandarkan kes-kes *Kim Sun Kyung & 2 Ors v Mahyudin Bin Dobik* [2007] 1 PIR 72 dan *Kim Fu Kheang & Anor v Azmah bte Sulaiman & Anor* [2013] 1 PIR (37) bagi menyokong hujahannya.

[50] Mahkamah ini berpendapat kes-kes yang dirujuk oleh peguam defendan yang terpelajar melibatkan kecederaan yang berbeza dengan kecederaan yang dialami oleh plaintif sekarang. Mahkamah ini berpendapat memandangkan plaintif berusia 14 tahun pada masa kejadian dan kecederaan ini mendatangkan keperitan dan kesakitan kepada plaintif. Tambahan pula ia melibatkan kecederaan di bahagian dalaman perut plaintif.

[51] Mahkamah ini telah melayari sesawang ini https://www.iffgd.org/other-disorders/sma-syndrome.html bagi mendapatkan apakah yang dimaksudkan dengan 'superior mesenteric artery syndrome':

> Superior mesenteric artery syndrome is a rare digestive system disorder. The superior mesenteric artery provides blood to the small intestine, cecum, and colon. It crosses over the first part of the small intestine, called the duodenum. Symptoms occur when the artery obstructs the duodenum.

[52] Mahkamah ini berpendapat award yang diberikan oleh Tuan HMS itu tidak berlebihan dan ia disahkan.

KEHILANGAN JARI-JARI KAKI KIRI DAN KANAN

[53] Tuan HMS itu telah mengawardkan kehilangan jari-jari kaki kira dan kanan plaintif secara global berjumlah RM100,000. Peguam defendan yang terpelajar telah merujuk kes *Aiker a/l Iwian v Mohd Asyraf b Zulkifli (seorang budak yang diwakili oleh sahabat wakil Zulkifli b Abdul Rahman)* [2013] 2 PIR 43 dan mencadangkan award RM30,000.

[54] Mahkamah ini telah merujuk laporan pakar (RR — ms 44–45) melibatkan kaki kanan dan kaki kiri plaintif seperti berikut:

(3) RIGHT FOOT

There is loss/amputation of the right 2nd, 3rd, 4th and 5th toes noted. The right big toe and part of the right 2nd toe are present.

The above are permanent features.

(4) LEFT FOOT

There is a loss of big toe 2, 3 and 5 th toes. The left 4 th toe is intact.

The above are permanent features.

[55] Mahkamah ini merujuk kes *Afizan b Mohamad v LN Kenderaan Sdn Bhd* [2009] 1 PIR 11 dimana bagi pemotongan (*amputation*) jari kaki kedua, keempat dan kelima, mahkamah berkenaan telah mengawadkan sebanyak RM45,000 iaitu pada kadar RM15,000 bagi setiap satu jari. Mahkamah ini berpendapat mengambil kira kes di atas diputuskan dalam tahun 2009 dan sekarang 2017, pemotongan jari kaki melibatkan kedua-dua kaki plaintif, mahkamah ini berpendapat award RM100,000 tidaklah berlebihan. Mahkamah ini mengesahkan award yang diberikan oleh Tuan HMS itu.

GANTI RUGI KHAS

Kos perbelanjaan ahli keluarga melawat plaintif di Hospital Sultanah Bahiyah

[56] Mahkamah membenarkan tuntutan ini sebagaimana keterangan plaintif di soalan dan jawapan No 11 dan 12 (Penyata C). Keterangan plaintif kos RM50 sehari untuk 285 hari. Peguam defendan yang terpelajar tidak menyoal-balas perkara ini. Mahkamah ini mengesahkan kos ini sebanyak RM50 x 285 = *RM14,250*.

KOS RAWATAN ULANGAN

[57] Mahkamah ini berpendapat P4 secara jelas membuktikan tarikh-tarikh plaintif mendapatkan rawatan ulangan di hospital. Peguam defendan yang terpelajar tidak menyoal-balas perkara ini. Mahkamah ini membenarkan RM50 sehari untuk tempoh 63 hari. Mahkamah ini membenarkan RM50 x 63 = *RM3,150.*

KESIMPULAN

[58] Mahkamah ini membenarkan rayuan oleh perayu dengan kos sebanyak RM3,000 dan 4% alokatur. Mahkamah ini turut mengesahkan ganti rugi am dan ganti rugi khas yang diawardkan oleh Tuan HMS itu.

Rayuan perayu dibenarkan dengan kos sebanyak RM3,000 dan 4% alokatur; ganti rugi am dan ganti rugi khas yang diawardkan oleh HMS disahkan.

Reported by Mohd Kamarul Anwar